

PM jadi pengimbang pilih hakim miliki semangat watan

Perdana Menteri dilantik oleh rakyat melalui proses pilihan raya berdasarkan majoriti di Parlimen, maka jawatannya itu mewakili sentimen atau kehendak rakyat dan perlu menjawab di Parlimen

Hakim bukan dipilih oleh rakyat dan tiada mandat rakyat untuk memperkenalkan atau menguatkuasakan prinsip undang-undang asing. Mereka hanya diberi kuasa mentafsirkan perundangan diluluskan Parlimen



Oleh Aidil Khalid
bhrencana@bh.com.my

Cadangan Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat pada Persidangan Undang-undang Komanwel Ke-24 di Malta pada 8 April lalu supaya peranan Perdana Menteri dihapuskan terus daripada proses perantikan hakim, ternyata mengundang polemik dalam bidang kehakiman.

Secara peribadi, penulis tidak setuju dengan cadangan itu.

Walaupun secara idealnya, ramai mahukan proses pelantikan hakim bersifat bebas daripada pengaruh politik, namun harus diingat, Perkara 122B(1) Perlembagaan sendiri memperuntukkan proses pelantikan hakim adalah diperkenan Yang di-Pertuan Agong menerusi nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-raja.

Bermaksud, Perlembagaan sendiri memperuntukkan peranan Perdana Menteri. Perkara 122B(2)-(4) pula memperuntukkan sebelum Perdana Menteri memberikan nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong untuk melantik seseorang hakim, Perdana Menteri perlu terlebih dahulu berunding dengan Ketua Hakim Negara, Hakim Besar Malaya dan Hakim Besar Sabah dan Sarawak.

Maka di sini dapat dilihat ada beberapa peringkat dan tahap rundingan dalam proses pelantikan hakim.

Pertama, Perdana Menteri perlu berunding dengan mereka yang berada dalam sistem kehakiman, mahir selok-belok perundangan seperti Ketua Hakim Negara dan Hakim Besar.

Kedua, Perdana Menteri juga perlu berunding dengan Majlis Raja-Raja selaku pemegang amanah sebenar terhadap kepentingan keadilan di negara ini. Selepas itu barulah dinasihatkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk melantik hakim yang disyorkan Perdana Menteri.

Perdana Menteri tetap mempunyai peranan dari sudut akauntabiliti walaupun bersifat politik. Perdana Menteri dilantik oleh rakyat melalui proses pilihan raya berdasarkan kepada majoriti di Parlimen. Maka, jawatannya itu mewakili sentimen atau kehendak rakyat dan perlu menjawab di Parlimen.

Justeru dalam memilih seseorang hakim, Perdana Menteri mestilah memilih hakim yang bukan sahaja arif dan mahir dalam hal perundangan, tetapi mesti juga terdiri daripada mereka yang faham kehendak, adat budaya, sentimen serta semangat masyarakat watan.

Ini kerana, rakyat tidak mahu nanti penghakiman yang di mahkamah berada 'jauh' daripada semangat dan aspirasi masyarakat watan.

Peranan Perdana Menteri

Atas sebab itu, perlunya peranan Perdana Menteri yang mewakili suara majoriti di Parlimen dalam pemilihan seseorang hakim. Prinsip undang-undang tidak boleh ditegakkan berasingan daripada semangat zaman dan semangat masyarakat watan.

Kita tidak mahu hakim yang 'mengimport' peruntukan atau prinsip undang-undang asing, kemudian menguatkuasakan pula ke atas masyarakat watan walaupun masyarakat menolak prinsip asing itu.

Jika hal ini dibiarkan berlaku, penulis bimbang lama-kelamaan masyarakat akan hilang hormat dan kepercayaan ke atas institusi kehakiman kerana berasakan prinsip perundangan asing dipaksakan ke atas mereka.

Sebab itu, peranan Perdana Menteri untuk memastikan, misalnya jika ada penganut prinsip undang-undang *Basic Structure Doctrine* dari India, maka Perdana Menteri perlu ada peranan dan tanggungjawab memastikan orang seperti ini sebaiknya tidak diangkat jadi hakim.

Kita juga harus faham bahawa politik bukan sekadar berlaku dalam kalangan orang politik, bahkan dalam jabatan kerajaan dan kehakiman pun, ada politiknya juga.

Lihat sahaja bagaimana kes berkaitan *Basic Structure Doctrine* 'dipergaduhkan' dalam kalangan panel Hakim Mahkamah Persekutuan sendiri sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Masing-masing kem cuba menegakkan pendirian. Panel kes dalam kes M Indira Gandhi (kes status agama tiga anaknya) berkata, *Basic Structure Doctrine* terpakai, tetapi kemudian panel kes dalam Maria Chin (bekas Ahli Parlimen Petaling) pula berkata, 'tidak terpakai'.

Beberapa bulan selepas itu, ada kes lain pula dan panel kes berkata, 'eh, *Basic Structure Doctrine* terpakai balik'. Setiap 'kem' cuba menegakkan pendirian masing-masing.

Perlu disedari, hakim bukan dipilih oleh rakyat dan tidak mempunyai mandat rakyat untuk memperkenalkan atau menguatkuasakan prinsip undang-undang asing. Mereka hanya diberi kuasa mentafsirkan perundangan yang diluluskan Parlimen.

Hanya Parlimen mempunyai mandat menggubal undang-undang. Sebab itu, cadangan menghapuskan peranan Perdana Menteri dalam proses pelantikan hakim tidak akan menghentikan politik dalam pemilihan jawatan hakim. Politik akan tetap berlaku.

Akan tetapi, jika peranan Perdana Menteri dihapuskan, mungkin sukar untuk mendapatkan hakim yang memiliki akauntabiliti kerana ia akan berlegar sesama mereka dalam institusi kehakiman dan perundangan yang tidak perlu menjawab kepada rakyat, tidak seperti Perdana Menteri perlu menjawab kepada Parlimen.

"Atas sebab itu, perlunya peranan Perdana Menteri yang mewakili suara majoriti di Parlimen dalam pemilihan seseorang hakim"

